
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HKN 307 - KESUSASTERAAN NUSANTARA I: ASPEK TEORI
DAN KRITIKAN**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

...2/-

- 2 -

1. *Kajian para sarjana Barat yang dikenali sebagai golongan orientalis selalu dikatakan sebagai berat sebelah, mempunyai prasangka ras atau sering menafikan kebijaksanaan masyarakat tempatan.*
(Harun Mat Piah, *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, 2000)

Bincangkan secara kritis maksud petikan di atas dan apakah usaha yang telah dilakukan oleh sarjana tempatan bagi membetulkan kesilapan para orientalis masa lalu?

2. *His works, though criticised for Anglophile bias have been an inspiration to generations of Malays.*
(R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, 1940)

Bincangkan faktor-faktor yang mendorong Winstedt mengeluarkan pernyataan terhadap Abdullah Munshi di atas dan berikan kritikan anda terhadapnya.

3. *It is a structural study that is most needed in Malay literature. Each text must be seen as a unit in its own right, not to be prejudiced by our outside norms, and it is only in this way that this study can contribute to the general theory of literature and to our general knowledge and understanding of world literatures.*
(Ismail Hussein, *The Study of Traditional Malay Literature*, 1974)

Dengan mengambil teks *Sejarah Melayu* atau *Hikayat Hang Tuah* sebagai contoh, bincangkan petikan di atas dalam konteks kritikan Ismail Hussein terhadap pendekatan Barat yang bersifat *referential reading*.

4. *The Hikayat Merong Mahawangsa may represent historical events which once took place in the Sultanate of Kedah, but it may also refer to literary conventions and themes, and it does so in such a skillful manner that its Malay audiences may have been but too willing to believe that certain events had indeed taken place.*
(Maier, *In the Center of Authority*, 1988)

...3/-

Bincangkan pernyataan di atas bagi mewajarkan kewibawaan kepengarangan Melayu yang menyampaikan kebenaran sejarah secara *metaphorical reading*.

5. *Saya lebih cenderung untuk mengatakan bahawa dalam seni tradisional pun mungkin ada penyimpangan, ada defamiliarisasi, tetapi penyimpangan yang kecil dan yang tipis dalam seni itu sama besar kesannya dengan penyimpangan yang radikal dalam sastera moden, justeru kerana norma dalam sastera lama jauh lebih ketat.*
(A.Teeuw, *Membaca dan Menilai Sastera*, 1992)

Bincangkan pandangan ini sebagai asas kewujudan estetika persamaan dan estetika pertentangan dalam kesusasteraan Melayu tradisional dan moden.

6. Bincangkan secara kritis ciri-ciri kepengarangan Melayu moden yang berbeza daripada kepengarangan Melayu tradisi.
7. Bincangkan pandangan V.I. Braginsky dalam tulisannya yang berjudul "Neo-Traditionalisme in Oriental Literatures" (1996) tentang kelahiran pemikiran-pemikiran budaya Melayu baru dalam karya dan teori sastera Melayu.